

KARYAWAN BANTU MASYARAKAT



SEDIA BERKHIDMAT: Dr Saiful Nizam Subari antara contoh individu Melayu/Islam yang sedia meluangkan masa menghulur khidmat kepada masyarakat.
- Foto TUKIMAN WARJI

► **ADLI YASHIR KUCHIT**
adli@sph.com.sg

PENYERTAAN golongan karyawan Melayu/Islam dalam kerja-kerja kemasyarakatan dan sukarela semakin meningkat, namun usaha yang lebih tersusun perlu dilakar bagi meningkatkan lagi penyertaan golongan tersebut.

Antara lain, lebih banyak pentas perlu disediakan bagi menarik penyertaan lebih ramai golongan itu dalam usaha meningkatkan pencapaian masyarakat.

Badan-badan setempat juga perlu lebih kreatif dan menawarkan cara fleksibel agar mereka yang telah mengecap kejayaan mempunyai peluang mencurahkan bakti kepada masyarakat.

Demikian pandangan beberapa pemimpin masyarakat tentang usaha menarik lebih ramai golongan karyawan memberi sumbangan.

Menteri Bertanggungjawab bagi Ehwat Masyarakat Islam, Dr Yaacob Ibrahim, berkata golongan yang telah berjaya boleh membantu masyarakat dengan memindahkan kepakaran dan berkongsi kejayaan mereka.

"Mereka yang telah berjaya perlu merasakan mereka ada tanggungjawab ke-

pada masyarakat kita untuk bukan hanya berkongsi kejayaan mereka, malah menggunakan kepakaran mereka untuk menolong golongan muda," kata Dr Yaacob ketika ditemui semalam.

Semasa berucap di Parlimen baru-baru ini, beliau menarik perhatian bahawa bilangan anggota profesional, pengurus, eksekutif dan teknisyen (PMET) Melayu/Islam telah meningkat daripada 7.2 peratus pada 1980 kepada 27.8 peratus pada 2010.

Tinjauan *Berita Harian* menunjukkan bahawa golongan karyawan yang giat dalam kerja sukarela telah meningkat.

Angkatan Karyawan Islam (AMP) misalnya melihat peningkatan 25.6 peratus bilangan anggotanya sepanjang lima tahun lalu berbanding lima tahun sebelum tempoh tersebut.

"Penyertaan golongan karyawan membolehkan badan-badan memanfaatkan kepakaran golongan itu," kata Pengarah Eksekutif AMP, Encik Anuar Yusop.

Purata golongan PMET yang berkhidmat dalam jawatankuasa masjid juga tinggi. Misalnya, 82 peratus relawan yang berkhidmat dalam jawatankuasa pembinaan masjid baru di Woodlands merupakan golongan karyawan.

Yayasan Rahmatan Lil Alamin (RLA) turut menyaksikan kenaikan 10 peratus

karyawan yang menjalankan projek-projek kemanusiaan.

Ketua Pegawai Eksekutif Persatuan Ain, Haji Md Yusof Ismail, pula berpendapat bahawa badan-badan Melayu/Islam menghadapi saingan untuk menarik penyertaan relawan.

"Selain menyumbang kepada badan-badan Melayu/Islam, karyawan kita juga mempunyai pilihan berkhidmat dalam badan-badan bukan Melayu," kata Haji Md Yusof.

Beberapa karyawan yang dihubungi berkata badan Melayu/Islam perlu kreatif dalam usaha menarik penyertaan anggota karyawan.

Karyawan perubatan, Dr Saiful Nizam Subari, berkata karyawan juga mempunyai kegemaran dan minat, justeru badan-badan Melayu boleh memberi peluang kepada karyawan menceburi bidang yang mereka minati.

Pengarah Financial Alliance, sebuah firma urusan harta, yang juga sukarelawan Pusat Nasihat Hutang, AMP, Encik Sani Hamid, pula berkata badan-badan perlu menyediakan pentas yang sesuai bagi golongan karyawan.

Laporan lain

- Muka 7